



KIPSAS

KOLEJ ISLAM PAHANG SULTAN AHMAD SHAH**كولج بهانج الإسلامية السلطان أحمد شاه****SULTAN AHMAD SHAH PAHANG ISLAMIC COLLEGE**

KM 8, Jalan Gambang, 25150 Kuantan, Pahang Darul Makmur

Tel : 09 591 5353 Faks : 09 536 4421 Laman Web : www.kipsas.edu.my

Ruj.Kami : Bil.(25) dlm.KIP.AKD 2/791

Tarikh : 12 Ogos 2014

**SENARAI EDARAN – SEPERTI DI LAMPIRAN**

Assalamualaikum w.r.t, w.b.t,

Y. Bhg. Datuk/Dato'/Profesor/Profesor Madya/Dr./Tuan/Puan,

JEMPUTAN MENGHADIRI SEMINAR ICT DAN AL-QURAN

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Seminar ICT dan Al-Quran yang dijadualkan pada 5 Disember 2013 yang lalu telah dibatalkan disebabkan bencana banjir yang melanda bandar Kuantan. Berikutan itu, KIPSAS akan menganjurkan semula Seminar ICT dan Al-Quran pada ketetapan berikut :

Tarikh	: 30 September 2014 (Selasa)
Masa	: 8.00 pagi – 5.30 petang
Tempat	: Dewan Utama, Kolej Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KIPSAS)
Yuran penyertaan	: Percuma

3. Untuk makluman Y. Bhg. Datuk/Dato'/Profesor/Profesor Madya/Dr./Tuan/Puan, seminar ini bertujuan untuk memberikan pendedahan dan kefahaman kepada orang ramai tentang sumber dan teknologi ICT yang terkandung di dalam Al-Quran di samping memperlihatkan kehebatan Al-Quran sebagai sumber ilmu dalam pelbagai bidang khususnya ICT.


4. Sehubungan dengan itu pihak kami amat berbesar hati sekiranya Y. Bhg. Datuk/Dato'/Profesor/Profesor Madya/Dr./Tuan/Puan dapat memberi sokongan dengan menghantar pegawai/staf untuk menghadiri seminar tersebut.

5. Bersama-sama ini disertakan aturcara program seperti di Lampiran 1 dan borang pengesahan kehadiran untuk dilengkapi oleh pihak Y. Bhg. Datuk/Dato'/Profesor/Profesor Madya/Dr./Tuan/Puan. Kerjasama adalah dipohon agar dapat mengembalikan borang tersebut sebelum 8 September 2014 (Jumaat).

6. Sebarang pertanyaan boleh berhubung dengan Pn. Zarina Bt Kamarozaman di talian 09-5915321/017-9791742, Cik Noor Dina Binti Barkhia di talian 09-5915325/013-9125063 dan Puan Aswahida Bt Sabarudin 09-5915373/012-9018042. Kerjasama pihak Y. Bhg. Datuk/Dato'/Profesor/Profesor Madya/Dr./Tuan/Puan amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian. Wassalam.

"BERILMU BERAMAL DAN BERTAQWA"



MASZITA BINTI MOHD DOM
Pengarah Seminar ICT dan Al-Quran
Kolej Islam Pahang Sultan Ahmad Shah

ATURAN PROGRAM

SEMINAR ICT DAN AL-QURAN

30 SEPTEMBER 2014

DEWAN UTAMA KIPSAS

Masa	Acara
8.00 pagi – 8.45 pagi	: Pendaftaran Peserta Sarapan Pagi
8.45 pagi	: Aluan Pengerusi dan Aluan Pengarah Seminar
9.30 pagi – 10.30 pagi	: Pembentangan Pertama "Pengkajian terhadap sumber ICT di dalam Al-Quran" Tuan C Ahmad Khalid Bin C Yong ICT Consultant / Quranalyst
10.30 pagi – 10.50 pg	: Sesi Soal Jawab
11.00 pagi – 12.30 tgh	: Perasmian
12.30 ptg – 2.00 ptg	: Makan Tengahari / Solat Zohor
2.00 ptg – 3.00 ptg	: Pembentangan Kedua "ICT berpandukan Al-Quran" Prof. Madya Dr. Mohamad Fauzan Noordin Pensyarah Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
3.00 ptg – 3.20 ptg	: Sesi Soal Jawab
3.30 ptg – 4.30 ptg	: Pembentangan Ketiga "Penggunaan / Pengkajian Asmaul Husna sebagai sumber penyelesaian dalam bidang ICT" Prof. Madya Dr Wan Maseri binti Wan Mohd Pengarah Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi Universiti Malaysia Pahang
4.30 ptg – 4.50 ptg	: Sesi Soal Jawab
4.50 ptg – 5.30 ptg	: Minum Petang dan bersurai



BORANG PENGESAHAN KEHADIRAN

SEMINAR: "ICT DAN AL-QURAN"
30 SEPTEMBER 2014 (SELASA)

Sila kembalikan borang ini pada urusetia
 Seminar dengan *kadar segera*

Presiden,
 Kolej Islam Pahang Sultan Ahmad Shah,
 KM 8, Jalan Gambang,
 25150 KUANTAN PAHANG.
 (UP: Dekan Sekolah Teknologi Maklumat dan Komunikasi)

YH Dato',

PENGESAHAN KEHADIRAN SEMINAR ICT DAN AL-QURAN

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan mengesahkan kehadiran peserta ke Seminar al Quran dan ICT seperti berikut :

BIL.	NAMA	NO. KP	NO. TEL (PEJABAT/HP)	JAWATAN
1.				
2.				
3.				
4.				
5.				

Sekian, terima kasih.

Tandatangan :
 Nama Ketua Jabatan :
 Organisasi :
 No. Telefon :
 Tarikh :

Catatan : Sila Faks atau Emailkan Borang yang telah dilengkapkan selewat-lewatnya pada 8 SEPTEMBER 2014.
No Faks :095364421 emel: zarina@kipsas.edu.my